



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Kemalangan Peribadi AmDrive Care

Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum membuat keputusan membeli pelan Kemalangan Peribadi ni. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat umum.

1. Apakah perincian produk ini?

Produk ini akan memberikan pampasan kepada anda jika berlaku kecederaan pada tubuh badan disebabkan oleh kemalangan yang mana kecederaan tersebut adalah bebas daripada sebab-sebab lain, dan dengan itu menyebabkan anda hilang upaya atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau pembedahan atau jika berlakunya kematian, kepada waris anda yang telah dinamakan atau wakil peribadi yang sah dan perlindungan diluaskan kepada penumpang-penumpang/pemandu yang diberi kuasa ketika memasuki kenderaan, di dalam atau keluar daripadanya (pemandu yang diberi kuasa) daripada kenderaan yang dinamakan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Produk ini meliputi:

- Bahagian I Manfaat Perubatan
- Bahagian II Kehilangan Nyawa akibat daripada kemalangan
- Bahagian III Perceraian anggota badan dan Kehilangan Deria Penglihatan

Nota: Sila rujuk kepada skala manfaat untuk kematian dan kehilangan upaya di dalam kontrak polisi contoh.

Tempoh perlindungan ialah 1 tahun.

Diiinsurankan : 24 jam, Had Kedaerahan adalah di seluruh dunia.

Penumpang/ Pemandu Diberi Kuasa : Ketika memasuki kenderaan, di dalamnya atau ketika keluar daripadanya (ketika memandu bagi pemandu yang diberi kuasa) daripada kenderaan yang dinamakan yang tercatat dalam polisi.

Anda perlu memperbaharui perlindungan polisi anda setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah RM80.00 dan tambahan premium sebanyak RM8.00 setiap penumpang akan dikenakan jika bilangan jumlah penumpang melebihi 4 orang.

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem sebanyak RM10.00 untuk mengesahkan kontrak
- Komisen ejen sebanyak 25% adalah termasuk di dalam polisi anda apabila melalui pengantara

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

Had Umur

- Tiada

Kepentingan Membuat Pendedahan

- Anda perlu mendedahkan kesemua fakta matan seperti pekerjaan dan matlamat peribadi anda yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami. Anda juga perlu melaporkan kepada kami bilangan polisi kemalangan peribadi dan jumlah insurans yang telah anda perolehi daripada syarikat-syarikat insurans lain.
- Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah.
- Jika terdapat sebarang perubahan di dalam profil kehidupan anda termasuklah pekerjaan dan matlamat peribadi, anda perlu memaklumkan kami serta-merta.

Pampasan / Ganti rugi

- Kami akan membayar pampasan ke atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) berdasarkan jadual yang tertera pada Bahagian III polisi. Untuk tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, anda akan diberi pampasan melalui bayaran balik berdasarkan jumlah sebenar yang terlibat tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam polisi.

Penamaan / Penentuan

- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang waris dan memastikan yang pewaris tersebut menyedari tentang polisi yang telah anda beli.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak khas pelan insurans ini bahawa premium perlu dibayar dan diterima kami sebelum perlindungan bermula. Polisi insurans ini akan menjadi batal dan tidak sah secara serta-merta jika syarat ini tidak dipatuhi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang berpunca daripada atau disebabkan oleh:

- Penyakit
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi daripada itu
- Memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Tindakan jenayah
- Bunuh diri (sama ada waras atau tidak) atau sebarang percubaan ancaman
- Penggunaan kenderaan untuk disewa, perlumbaan, berlumba laju, ujian kelajuan atau pertukaran kenderaan
- Kemalangan melibatkan bahan radioaktif dan senjata nuklear
- Kenderaan digunakan untuk tujuan perniagaan tidak sah atau sebagai pengangkutan umum tidak berlesen

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai menyeluruh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda melalui notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh pendek* untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa. Sebarang bayaran minimum di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

*** Jadual kadar tempoh pendek_**

<u>Tempoh Tidak Melebihi</u>	<u>Premium Tahunan yang dikembalikan</u>
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan bayaran

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan pada maklumat terperinci saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan pada maklumat terperinci anda (termasuk waris dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan yang semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan peribadi ini, sila merujuk kepada buku panduan *Info Insurans* yang boleh didapati di semua cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan buku tersebut daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my untuk maklumat lanjut.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perhubungan Pelanggan
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 88 8800 Fax: (603) 21713000
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: www.amassurance.com.my

10. Adakah terdapat jenis perlindungan Kemalangan Peribadi lain yang serupa di pasaran ?

Insurans Kenderaan adalah ditentukan oleh Tarif Kenderaan Bermotor. Sila rujuk kepada perkara no. 2 untuk perlindungan insuransnya.

NOTA PENTING:
ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.